

Malaysia

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 13 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 22

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 48-100037
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa tiada sebarang tindakan di tapak Terminal Pengangkutan Bas Awam Butterworth sungguhpun diberitahu di Dewan yang mulia ini bahawa kerja-kerja pembinaan semula terminal bas tersebut akan dibuat menjelang akhir tahun 2005.
2. 45-100474
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah kejayaan kempen "Tak Nak" dalam membendung gejala merokok di kalangan rakyat negara ini.
3. 65-100139
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-
 - (a) jumlah siswazah yang masih menganggur sekarang dan berapa ramai yang telah mendaftar untuk mengikuti program latihan semula anjuran Kementerian; dan
 - (b) apakah langkah-langkah segera untuk membendung penghijrahan siswazah Malaysia ke Singapura untuk mendapat pekerjaan yang lebih lumayan pendapatannya.
4. 76-100526
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Malaysia berupaya menempatkan diri dalam keadaan yang baik dan kompetitif bersama Negara China dan India yang mengalami pertumbuhan pesat. Apakah sektor-sektor yang dapat menjamin daya saingan Malaysia.

5. 75-100588
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dengan perisytiharan Bank Negara untuk mewartakan Perancang Kewangan di bawah bidang kuasanya akan memajukan industri yang baru diperkenal itu serta tindaakah tindakan ini boleh menimbulkan pertindihan tugas dan kuasa dengan Suruhanjaya Sekuriti dan akhirnya boleh mengelirukan rakyat Malaysia secara keseluruhannya serta apakah strategi yang perlu diambil bagi mengatasi persoalan tersebut.
6. 57-100363
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah bilangan mahasiswa yang telah melanggar undang-undang AUKU dan telah dikenakan hukuman sejak tahun 1971 dan apakah statistik pecahan jumlah itu mengikut tahun pengajian dan fakulti pengajian mereka.
7. 78-100596
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh manakah tahap pencapaian Biotek di Malaysia. Apakah bidang pengkhususan yang mencapai tahap tertinggi di Malaysia.
8. 30-100562
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengapakah sesetengah daripada guru apabila ditempatkan untuk mengajar di sesebuah sekolah tidak berdasarkan opsyen mereka, sebaliknya bergantung sepenuhnya oleh ketentuan yang dibuat oleh pengetua ataupun guru besar sahaja, padahal di sesetengah tempat guru yang tidak mempunyai opsyen dalam bidang sains telah diarahkan mengajar mata pelajaran tersebut dan guru yang mempunyai opsyen berkenaan diabaikan untuk mengajar mata pelajaran asas sahaja.
9. 52-100553
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha serta langkah-langkah dan Perundangan di Malaysia terutama sekali sejak kebelakangan ini banyak kes-kes yang dibawa oleh Pendakwa raya menemui kekalahan.
10. 37-100004
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai kaunter-kaunter MESDAQ yang mula bertapak di Bursa Malaysia sejak awal tahun 2004 hingga 31/10/2005. Apakah prestasi kaunter-kaunter ini secara amnya menunjukkan kelemahan yang nyata sehingga rata-ratanya didagangkan jauh di bawah paras harga tawaran awam (IPO). Sejauh manakah objek-objek penubuhan papan MESDAQ dapat dicapai memandangkan bilangan syarikat yang disenaraikan sudah melebihi 100 buah tetapi prestasi harga "across the board" adalah mendukacitakan.

11. 61-100346
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kerajaan sedar setiap kali datangnya raya, filem-filem tempatan dicetak rompak, apakah tindakan Kementerian terhadap kilang-kilang yang menyalahgunakan lesen yang dikeluarkan.
12. 53-100643
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah prosedur pendaftaran persatuan atau pertubuhan belia di negara ini dan kenapakah ianya mengambil masa yang begitu lama bagi meluluskan sesuatu permohonan sehingga mencapai 4 bulan.
13. 18-100262
Tuan Ismail bin Kasim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil terhadap kakitangan-kakitangan sektor awam yang mengamalkan rasuah khususnya bahagian penguatkuasaan.
14. 67-100295
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk membendung jumlah pesakit kronik dan kanser yang semakin bertambah di negara ini, adakah ia kerana bahan-bahan toksid yang digunakan di dalam proses penyediaan makanan segera dan "junk food" atau kerana tahap kesihatan yang semakin menurun di kalangan manusia hari ini.
15. 21-100094
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memperkenalkan undang-undang yang mengkehendaki semua penumpang mematikan semua alat-elektronik sebelum menaiki kapal terbang dan bukan sebelum kapal terbang tersebut berlepas untuk memastikan keselamatan sistem elektronik kapal terbang lebih terjamin.
16. 20-100406
Tuan Osman bin Bungsu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kriteria pemberian "Golden Handshake" dan berapakah kakitangan yang terlibat mengikut kategori penjawatan.
17. 29-100205
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah program interaksi yang masih dan akan diadakan di peringkat antarabangsa untuk memberangsangkan dan mempergiatkan lagi pergerakan belia dalam negara.

18. 54-100074
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah positif yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 untuk memperbaiki atau memulihkan keadaan infrastruktur di sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak termasuk infrastruktur ICT yang kini serba kekurangan untuk memastikan sekolah-sekolah tersebut tidak akan ketinggalan dengan sekolah-sekolah di bandar.
19. 56-100091
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apa langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk bekerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi bagi mengimbangkan situasi penawaran dan permintaan ini untuk memastikan siswazah mendapat pekerjaan apabila menamatkan pengajian mereka kelak.
20. 39-100200
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tentang keperluan meningkatkan sistem keselamatan kita di sempadan terutamanya sempadan Thailand dan Indonesia. Kawalan keselamatan kita amat longgar sehingga memudahkan rakyat asing untuk memasuki Malaysia. Apakah wajar agar Kerajaan memperketatkan lagi kawalan keselamatan ini agar keselamatan negara kita terjamin.
21. 20-100386
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bilangan koperasi yang menghadapi masalah dari tahun 2001 hingga 2004 dan apakah langkah-langkah untuk memulihkan dan meningkatkan sistem pengurusan.
22. 62-100609
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memantau program pemberian jarum suntikan kepada penagih-penagih dadah supaya tidak disalahgunakan. Sebagai contoh, bagaimana kita boleh memastikan ketika seseorang penagih sedang khayal dengan dadah, mereka tidak akan menggunakan jarum suntikan milik orang lain.
23. 65-100141
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan rasionalnya menyeragamkan tarif air di seluruh negara.

24. 44-100330
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah program pertukaran jarum dan kondom telah dilaksanakan dan apakah kesan awal yang dapat kita lihat terhadap penagihan dadah dan HIV di negara ini.
25. 43-100278
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan selain dari 21 barang kawalan yang telah ditetapkan harga siling, bagaimana pula usaha Kerajaan untuk menjaga barang-barang keperluan yang lain yang tidak kurang pentingnya pada pengguna.
26. 50-100581
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah peranan Kementerian dan sejauh manakah keberkesannya setakat ini di dalam membantu pembangunan koperasi peneroka FELDA dan FELCRA bagi membolehkan mereka membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berasaskan pertanian dan teknologi makanan di kawasan setempat.
27. 38-100342
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah yang diambil untuk menangani lambakan kontraktor kelas F yang tidak aktif di seluruh negara.
28. 39-100202
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan supaya Kerajaan memandang berat terhadap masalah kerosakan aqidah remaja Melayu terutamanya terhadap kes sebahagian remaja kini yang mengadakan majlis memuja syaitan, memijak dan kencing atas Al-Quran. Tindakan mereka ini telah menghina agama Islam dan Al-Quran, Kerajaan wajar mengambil tindakan untuk memulihkan kembali aqidah remaja ini dilakukan seperti mana yang dilakukan terhadap mereka yang menyebarkan ajaran sesat.
29. 45-100484
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan institusi-institusi perbankan yang telah diberikan lesen perbankan Islam sehingga hari ini.
30. 77-100501
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan melaksanakan hasratnya untuk meletakkan 30% kaum wanita dalam jawatan 'Pembuat Keputusan'.

31. 17-100155
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam pencegahan selesema burung dalam negara kita dan sejak bulan September 2005, berapa kali dan tempat yang telah diperiksa oleh pegawai Kementerian.
32. 47-100321
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah kadar inflasi sejak tahun 2003 dan apakah langkah-langkah Kerajaan setakat ini yang berjaya mengawal kenaikan harga barang.
33. 38-100368
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang boleh diambil bagi menggalakkan lebih banyak kenderaan menggunakan gas asli (NGV) bagi mengurangkan beban subsidi harga minyak.
34. 19-100022
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan nama negara yang Kerajaan Malaysia ada mempunyai Pejabat Kedutaan tetapi di sebaliknya negara berkenaan tidak membuka Pejabat Kedutaannya di Kuala Lumpur.
35. 74-100113
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan Wilayah Persekutuan Labuan merupakan sebuah Pulau Bebas Cukai tetapi harga kebanyakan barang adalah sangat tinggi kecuali rokok dan arak berbanding dengan Pulau Bebas Cukai yang lain. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
36. 33-100046
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah Polis Di Raja Malaysia bercadang untuk menubuhkan satu Maktab PDRM untuk melahirkan dan membentuk pasukan polis yang dinamik, beretika dan berintegriti tinggi di masa hadapan untuk menghadapi perubahan dan cabaran global.
37. 29-100242
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada sistem meritokrasi sekarang menguntungkan orang Melayu luar bandar atau tidak, kerana pelajar luar bandar terpaksa belajar dalam suasana serba kekurangan berbanding dengan pelajar kaum lain dan pelajar di bandar.

38. 40-100268
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tentang masalah pelajar Melayu sukar mendapat kerja dalam bidang teknikal kerana kebanyakan syarikat dilengkapi dengan alatan canggih yang tidak terdapat di makmal universiti. Apakah langkah-langkah yang akan dilaksanakan.
39. 77-100463
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah bagi memastikan segala urusan berkaitan dengan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat adalah dikendalikan secara telus dan terbuka. Setakat ini berapa banyakkah kes-kes salah guna kuasa dan rasuah yang melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan.
40. 9-100403
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) berapa ramaikah dan berapa peratuskah golongan wanita yang mempunyai kelayakan untuk menjadi kadi mahkamah atau hakim syariah; dan
 - (b) justifikasi mengapa kadi mahkamah atau hakim syariah wanita tidak dapat diwujudkan hingga sekarang.
41. 60-100449
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) bilakah isu Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang sudah lama tergantung akan diselesaikan; dan
 - (b) apakah Kerajaan akan meneruskan pelaksanaannya dan kenapakah golongan doktor dan pakar perubatan dikecualikan daripada PTK.
42. 68-100315
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap penuntut-penuntut yang diberi biasiswa untuk belajar di luar negara supaya memenuhi janji kontrak dan bilangan yang melanggar kontrak tersebut.

43. 60-100429
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-
- (a) apakah Kerajaan akan melaksanakan hukuman menggantung lesen pemandu untuk tempoh 6 bulan dan wajib mengambil semula ujian memandu jika mereka melanggar undang-undang jalan raya melebihi tiga kali; dan
 - (b) apakah langkah drastik Kerajaan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya khususnya yang melibatkan pemandu lori dan bas.
44. 17-100158
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kajian pelaksanaan GST dan apakah hasil utama kajian tersebut setakat ini dan apakah kemungkinan GST dilaksanakan pada awal tahun 2007.
45. 46-100214
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapakah nilai bantuan Kerajaan Malaysia kepada Pakistan berikutan dengan bencana gempa bumi baru-baru ini dan berapakah pula sumbangan pihak swasta termasuk kutipan yang dibuat oleh pihak media massa.
46. 7-100164
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan benarkah 17 syarikat telah dipilih untuk Beef Valley dan senaraikan. Benarkah didapati tiada seorang pun dari komuniti India telah dipilih walaupun mereka mempunyai banyak pengalaman dan adakah 10% dari 4400 hektar (11,000 ekar) itu disediakan kepada pemohon-pemohon India yang berminat.
47. 49-100536
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan peratusan kes-kes penipuan dan pecah amanah syarikat dapat dikurangkan.
48. 75-100584
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah pelajar-pelajar Malaysia dalam tahun 2005 dari peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah iaitu dari tingkatan 1 hingga tingkatan 3, tingkatan 4 hingga tingkatan 5 (termasuk sekolah swasta) mengikut kaum dan nyatakan strategi pembelajaran yang lebih berkesan akan diambil bagi memastikan dasar integrasi kaum serta perpaduan rakyat Malaysia lebih terjamin untuk generasi akan datang.

49. 72-100608
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai pendekatan terkini dan holistik untuk memperkukuhkan kegemilangan industri Automotif Nasional, Proton Holding Berhad dan vendor-vendornya di peringkat global.
50. 56-100118
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memastikan bahawa pegganas yang melakukan keganasan dengan membuat pegeboman tidak berasal daripada Malaysia. Apakah Kerajaan mengambil tindakan untuk mencari organisasi ataupun tempat-tempat yang digunakan untuk melatih pegganas di Malaysia.
51. 76-100516
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan:-
- a) tindakan dan inisiatif yang akan diambil untuk menentukan jumlah graduan yang menganggur pada masa akan datang tidak meningkat; dan
 - b) adakah Kementerian merancang untuk menghadkan jumlah pengambilan penuntut untuk pengajian-pengajian yang tidak mempunyai permintaan pasaran yang tinggi.
52. 58-100465
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah peruntukkan secara keseluruhan mengikut negeri yang telah dilaksanakan di bawah RMK-8 bagi membangunkan sektor bio-teknologi negara.
53. 69-100435
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan mengenai terdapatnya kedai-kedai 7-Eleven (yang beroperasi 24 jam) menjual arak kepada remaja di bawah umur. Jika benar kejadian ini berlaku apakah tindakan pihak Kementerian bagi menangani masalah ini.
54. 59-100016
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapa ramaikah penduduk tetap di negara kita dan perangkaannya mengikut pecahan negara asal.

55. 51-100135
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan telah menyampaikan bantahan kepada Republik Indonesia berkaitan dengan masalah darurat jerebu hampir setiap tahun dan apakah tindak balas daripada Indonesia.
56. 43-100291
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan ibu tunggal muda di seluruh negara yang memerlukan bantuan dan jenis bantuan yang diperlukan.
57. 9-100404
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan statistik terperinci penglibatan bumiputera dalam industri penternakan dan bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah ketidakcukupan bekalan di pasaran terutama di musim perayaan berikutan kaitan dengan konsep halal haram dan wabak selesema burung.
58. 46-100237
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapakah bilangan calon STPM sejak tahun 2000 dan berapakah bilangan mereka yang layak masuk ke IPTA di peringkat ijazah.
59. 70-100063
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mengenakan syarat supaya pemandu yang hanya memiliki lesen kenderaan berat selama 10 tahun sahaja berhak untuk bekerja sebagai pemandu bas ekspres.
60. 81-100635
Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan sumbang mahram yang mana terdapat penambahan ketara sebanyak 31% kes sumbang mahram dalam tahun 2004 (334 kes) berbanding dengan 2003 (254 kes).

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 23/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan 2006 - Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [12 Disember 2005] | |
| 2. | (D.R. 29/2005) | Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R.30/2005) | Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 | “ |
| 4. | (D.R.27/2005) | Rang Undang-undang Kewangan 2005 | “ |
| 5. | (D.R.31/2005) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 | “ |
| 6. | (D.R. 22/2005) | Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 | “ |
| 7. | (D.R. 24/2005) | Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.139	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia (UUM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit).	13 Disember 2005
ST. 201	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	13 Disember 2005
ST.204	Laporan Tahunan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Bagi Tahun 2004.	13 Disember 2005
ST.205	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC) Bagi Tahun 2004.	13 Disember 2005
ST.208	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	13 Disember 2005